

Bantuan RM500 kepada pesara, bekas, anggota polis

KUALA LUMPUR: Jabatan Pengurusan, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dipertanggungjawabkan untuk membantu dan menyelaras urusan penganugerahan Pingat Jasa Pahlawan Negara (PJPN) dan pemberian 'one off' RM500 kepada bekas, pesara dan anggota yang masih berkhidmat dalam pasukan.

Pemberian RM500 diberi kepada mereka yang layak mengikut statut PJPN termasuk mereka yang belum menerima pingat.

Pengarah Jabatan Pengurusan PDRM, Datuk Ramli Din, berkata urusan berkenaan akan dilakukan oleh Bahagian Hal Ehwal Pesara Polis (BHEPP).

"Pemohon perlu menyediakan dokumen sokongan dan perlu disahkan seperti mana disyaratkan dalam Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 7, Tahun 2018.

"Bagi pesara polis, mereka dikehendaki membawa salinan kad pengenalan awam, salinan kad pesara polis atau kad pesara Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), salinan akaun bank atau salinan penyata bank.

"Bagi bekas dan anggota polis mereka dikehendaki membawa salinan kad pengenalan, salinan dokumen pengesahan perkhidmatan dan salinan akaun bank atau salinan penyata bank," katanya dalam kenyataan hari ini.

Ramli berkata Ketua Jabatan Pengurusan di setiap kontinjen, Ketua Polis Daerah dan Ketua Polis Balai akan membantu memudahkan urusan pengemaskinian maklumat dan pengesahan dokumen bagi memudahkan pesara, bekas dan anggota polis di kontinjen dan daerah berkenaan.

Bilik Gerakan ePesara PDRM beroperasi dari jam 8.30 pagi hingga 10 malam setiap hari bekerja.

PJPN dianugerahkan kepada petugas PDRM bagi menghargai jasa kepahlawanan, pengorbanan dan kebaktian kepada negara ketika era darurat dalam Perkhidmatan Persekutuan Tanah Melayu bagi tempoh 12 Julai 1948 hingga 31 Julai 1990.

PJPN juga turut merangkumi era Insurgensi Komunis pada 17 Jun 1948 hingga 2 Disember 1989 di Malaysia serta bagi Sabah dan Sarawak pada 1962 hingga 17 Oktober 1990 yang dikenali sebagai Perkhidmatan Semasa Darurat.

Bantuan RM500 kepada kategori anggota, pesara dan bekas polis yang masih hidup membabitkan 80,000 orang.